

BENARKAH DR. MAHATHIR DIKTATOR?

29 NOV 1988

ANTARA dakwaan dan tuduhan terhadap Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ialah mengenai kepimpinannya yang bercorak diktator.

Sebelum menyamak dan menceraikan asas-asas tuduhan diktator ini, eloklah ditinjau pengertian istilah diktator itu sendiri.

Kata sebuah kamus, diktator bererti pemerintah yang ada kuasa mutlak.

Berkait rapat dengan istilah diktator itu, ada satu lagi istilah iaitu 'dictatorship'. Kata kamus itu, 'dictatorship' ialah pemerintah seorang.

Kalau menurut pengertian diktator itu, sahlah bahawa Dr. Mahathir seorang pemerintah berkuasa mutlak. Asasnya ialah kerana Dr. Mahathir ialah Perdana Menteri Malaysia- satu jawatan tertinggi eksklusif yang mampu dicapai oleh seorang rakyat biasa sepertinya.

KERABAT

Jawatan yang lebih tinggi dari itu ialah Yang diPertuan Agong. Seperti termaklum jawatan itu adalah khusus untuk kerabat di Raja sahaja. Tidak mungkin Dr. Mahathir boleh menjawat jawatan itu.

Berasaskan andaian itu, sahlah bahawa Dr. Mahathir sedang berkuasa mutlak kerana sedang berada di hiraki piramid tertinggi dalam senarai kedudukan jawatannya.

yang tampil memuji rahmat itu.

Ada juga yang mendakwa Dr. Mahathir hanya bertindak berasaskan kepada keputusan peribadinya sahaja tanpa mendengar pandangan Menteri-Menteri Kabinetnya.

Kata orang, "Ikut cakap Aku sahaja."

Apakah benar premis itu. Kata Mohd. Noor Azam, dalam mesyuarat kabinet kadangkala mengambil masa hingga lima jam. "Adakah logik dalam tempoh lima jam itu hanya Dr. Mahathir seorang sahaja yang

kata Ketua Penerangan Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan, Haji Mustapha Yaacob.

Dr. Mahathir, kata Haji Mustapha lagi, terbukti adalah seorang pemimpin yang mempunyai vision yang jauh sebagai seorang pemimpin umat dan bangsanya.

Haji Mustapha Yaacob menyifatkan Dr. Mahathir sebagai Abdullah Munsyi dekad 80an.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Sembilan, Ishak Ismail turut mengakui hakikat keupayaan pemikiran tinggi Perdana Menteri.

Oleh: MOHD. SHAH ABDULLAH

Oleh itu, sebagai Perdana Menteri, seperti kata Setiausaha Politikanya, Mohd. Noor Azam, Dr. Mahathir mempunyai 'vision' dalam memimpin masyarakat, umat dan tanah-airnya.

Sebagai Perdana Menteri, keputusan melaksanakan sesuatu dasar dan program adalah menjadi tanggungjawabnya. Beliau tidak harus dipersalahkan hanya semata-mata kerana sesuatu program itu mesti dilaksanakan.

Sesuatu program bagi faedah rakyat, tidak perlu menunggu persetujuan semua pihak kerana amat mustahil semua pihak akan bersetuju dalam satu pandangan.

Fitrah kemanusiaan sejagat ialah kesukaran menyetujui satu-satu pandangan. Pro dan kontra mesti ada.

Dr. Mahathir tidak ada pilihan. Melaksanakan sesuatu dasar dan sanggup menanggung segala risikonya sama ada gagal atau berjaya itulah pilihannya sebagai Perdana Menteri.

Tetapi, rakyat sudah menyaksikan, jambatan Pulau Pinang sudah digunakan secara meluas. Dulu heboh mengkritik. Tetapi bila pengkalan Feri di Pulau Pinang runtuh, jambatan itu adalah rahmat menghubungkan Tanjung ke Seberang Prai. Tidak ada pula seorang pun

berhujah?"

Pemikiran yang paling tipikal akan menjawab bahawa ia tidak mungkin.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Haji Mohd. Isa Samad pula dalam satu kenyataannya kepada WATAN menegaskan, Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang selalu mengadakan mesyuarat sebelum menjalankan apa-apa rancangan negara.

"Kalau Dr. Mahathir diktator, tidak perlu beliau memanggil mesyuarat. Beliau hanya akan mengangkat telefon dan mengarahkan buat itu dan buat ini," kata Datuk Isa lagi.

Dan kata Mohd. Noor Azampula, sepanjang pengetahuannya, ketika mesyuarat kabinet diadakan, antara Menteri-Menteri yang suka bercakap ialah seperti Haji Anwar Ibrahim, Rafidah Aziz dan Datuk Samy Vellu.

"Mungkin ada Menteri-Menteri yang tidak mahu bercakap atau takut bercakap kalau-kalau tersalah hujah kerana Dr. Mahathir memang terkenal sebagai seorang yang kuat membaca. Hujah dan pemikirannya memang kritikal dan boleh menangkis pandangan kawan dan lawan,"

Ada juga yang mendakwa Dr. Mahathir hanya bertindak berasaskan kepada keputusan peribadinya sahaja tanpa mendengar pandangan Menteri-Menteri Kabinetnya

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan di atas, kita sekurang-kurangnya sudah boleh membuat kesimpulan untuk mempertimbangkan premis bahawa Dr. Mahathir seorang diktator.

Bagaimanapun, bagi pihak tertentu adalah sukar menerima sesuatu hujah jika mereka sudah menyedikan pemikiran menolak apa-apa sahaja hujah tanpa mempertimbangkan asas kebenaran.

Lantaran itulah, lazimnya, propaganda, khabar angin dan surat layang sudah menjadi budaya baru

kepada golongan-golongan tertentu. Pemikiran yang tidak bersedia berfikir secara jelas dan halus, pastilah mudah menerima sogokan seperti itu.

Ada juga pihak menuduh kepimpinan Dr. Mahathir bersikap zalim kerana mengekalkan akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ketika penangkapan beramai-ramai 27 Oktober 1987 terhadap para pemimpin politik, aktivis sosial dan tokoh pendidik di bawah ISA, ada pihak menyifatkan tindakan itu sebagai zalim.

Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman telah berterusterang menyifatkan ISA digunakan

Petualang-petualang dalam negeri masih ada seperti golongan pencetus kebangkitan perkauman sempit.

Berdasarkan itulah, ISA perlu dikekalkan. Cuma, jangan sampai terlalu menekan dan digunakan sewenang-wenangnya.

ISA mesti memenuhi matlamat dan peranan asalnya.

Selain itu tuduhan Dr. Mahathir diktator itu juga adalah kerana beliau telah memecat bekas-bekas Menteri dan tokoh-tokoh dalam parti.

Aktivis-aktivis dalam Kumpulan Semangat 46 sekarang adalah antara mereka yang menerima nasib itu seperti Datuk Zainal Abidin Zin, Rahmah Osman dan sekutu-sekutu yang sama dengannya.

Bagi menjawab hujah itu, alasannya ialah Dr. Mahathir selain Perdana menteri adalah juga Presiden parti. Dr. Mahathir mestilah memastikan satu barisan pemimpin yang sanggup bekerjasama dengannya.

KONSEP

Semangat berpasukan adalah konsep bekerjasama secara bertolakansur. Perbezaan pendapat adalah diharuskan asalkan tidak menggugat dasar dan perjalanan program.

Pemecatan itu berkait-rapat dengan peristiwa sebelum 24 April hingga terpecatnya tokoh-tokoh Semangat 46 itu. Dr. Mahathir telah dikritik habis-habisan.

Adakah salah kalau Dr. Mahathir membalas pula segala kritikan itu. Apakah salah kalau sebelum ini PAS, DAP, ALIRAN, Kumpulan Semangat 46, hatta rakyat biasa pun turut mengkritik kepimpinan Dr. Mahathir.

Lalu, Dr. Mahathir di pihak kerajaan membalas pula kritikan itu.

Dr. Mahathir adalah manusia biasa. Beliau memang wajar dikritik. Tetapi asas kepada kritikan itu mestilah didasarkan kepada rasional dan bukan melepaskan perasaan geram semata-mata. Seolah-olah semua salah, semua zalim dan kita sahaja yang betul.

Sesungguhnya, kritikan adalah asas pembentukan sebuah negara demokrasi. Sebagai sebuah negara berasaskan kedaulatan rakyat, rakyat mestilah berani menegur perjalanan pentadbiran dan dasar-dasar negara.

Namun, jika mengikut tradisi dan akhlak Islam, kritikan itu mestilah bertanggungjawab.

Sekadar membesar-besarkan sesuatu isu seperti Dr. Mahathir diktator perlulah dinilai kembali.

Dan setiap warganegara Malaysia mesti mampu berfikir semula dalam segenap lapangan. Terpengaruh dengan propaganda adalah tanda masyarakat itu kurang menghayati ilmu.

secara sewenang-wenangnya. "ISA pada prinsipalnya bertujuan untuk membanteras gerakan pengganaspengganasan komunis," kata Tunku Abdul Rahman.

Persoalannya, bilakah ISA diperkenalkan. Zaman Dr. Mahathir atau siapa.

Dari sudut kemanusiaan sejagat dan keadilan perundangan, nyatalah bahawa ISA itu tidak wajar. Tetapi asas pokok di sini, ISA bukan ciptaan Dr. Mahathir tetapi warisan rejim sebelum Dr. Mahathir.

Kemungkinan pada satu tahap kelak bila masyarakat sudah mencapai pemikiran tinggi, asas-asas keadilan sosial seperti berkurangnya peratus kemiskinan, kemakmuran dan keharmonian ummah tercapai, ISA dan akta-akta yang ada sekarang akan dihapuskan.

Hakikatnya, struktur masyarakat Malaysia belum menunjukkan keharmonian sebagai satu bangsa. Perkauman dan asas-asas keadilan sosial itu belum benar-benar mantap. Anasir-anasir subversif masih ada.

Pengganaspengganasan komunis, kata Datuk Isa Samad "Di Jelebu masih ada baki 19 orang."